

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pecahan perinci pengekspotan kereta dalam jenis CBU dan CKD yang dihasilkan oleh Proton, Perodua, Honda, Toyota, BMW, Mazda, Volvo dan Mercedes serta negara-negara import setiap tahun dari 2010 hingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan data daripada syarikat pengeluar kenderaan (OEM), perincian pengeksportan kereta jenis CBU dan CKD bagi syarikat Proton, Perodua, Honda, Toyota, BMW, Mazda, Volvo dan Mercedes bagi tempoh tahun 2010 sehingga Julai 2021 adalah seperti berikut:

Pengeluar Kenderaan	Jumlah Unit Kenderaan Eksport		Nilai Eksport (RM' bilion)	Negara Pengimport
	CBU	CKD		
PROTON	68,303	310	1.66	ASEAN, Mesir, Pakistan dan Bangladesh
PERODUA	53,082	-	1.23	ASEAN, Jepun, Sri Lanka, Fiji, Mauritius dan Seychelles
TOYOTA	2,615	-	0.06	Thailand
BMW	3,376	-	0.46	Thailand dan Filipina
MAZDA	43,964	-	3.92	ASEAN
VOLVO	16,153	-	2.61	ASEAN dan Taiwan
MERCEDES-BENZ	192	-	0.02	Filipina
HONDA	-	-	-	-
JUMLAH	187,685	310	9.96	

Secara keseluruhan bagi tempoh 2010 hingga Julai 2021, jumlah bilangan kenderaan yang dieksport adalah sebanyak 187,995 unit dengan nilai eksport sebanyak RM9.96 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan agihan pendapatan bersih (*allocation of net income*) yang diperoleh oleh Malaysia sebagai ahli untuk Asia Infrastructure Investment Bank, Asia Development Bank dan International Bank for Reconstruction and Development dari tahun 2016 hingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB), Asian Development Bank (ADB) dan International Bank for Reconstruction and Development (IBRD) merupakan bank pembangunan pelbagai hala (*multilateral development bank - MDB*) yang ditubuhkan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada negara ahli dalam bentuk geran atau pinjaman bagi menyokong pembangunan sosial dan ekonomi negara-negara ahli yang memerlukan.

Sumbangan negara ahli melalui pembayaran modal saham merupakan sumber pendapatan utama kepada MDB berkenaan. Pendapatan tersebut digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi serta aktiviti bank iaitu menyediakan kemudahan pinjaman dan geran

kepada negara anggota berdasarkan syarat kelayakan serta khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada semua negara anggota.

Negara ahli, termasuk Malaysia, tidak memperoleh agihan pendapatan bersih secara langsung. Sebaliknya, pendapatan bersih MDB akan disalurkan kepada dana lebihan (*surplus*) yang digunakan untuk membiayai keperluan khusus yang diluluskan oleh Lembaga Gabenor serta rizab am bank untuk persediaan sekiranya terdapat keperluan luar jangka pada masa hadapan.

Kesemua aktiviti kewangan tersebut direkodkan dalam penyata kewangan MDB yang disediakan setiap tahun. Penyata kewangan beraudit yang telah diluluskan oleh Lembaga Gabenor adalah dokumen awam dan boleh diakses melalui laman web MDB tersebut.

Sekian, terima kasih.